

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MAKLUMAN WAKTU OPERASI PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) SEMPENA BULAN RAMADAN 1440 / 2019

Bersempena bulan Ramadan yang bakal tiba, adalah dimaklumkan bahawa waktu operasi Pusat Transformasi Bandar (UTC) seluruh negara bermula 5 Mei 2019 (30 Syaaban 1440H) sehingga 9 Jun 2019 (5 Syawal 1440H) adalah ditetapkan seperti berikut:

UTC	Waktu Operasi	Rehat/ Solat Jumaat
Kedah Selangor Keramat Negeri Sembilan Johor Terengganu Kelantan Perlis Sungai Petani Perak Kuala Lumpur Sentul Melaka Pasir Gudang Pahang	8.00 pagi – 4.30 petang	12.15 t/hari – 2.45 petang
Sabah Keningau Labuan Tawau		11.30 pagi – 2.00 petang
Sarawak Miri Sibul		11.45 pagi – 2.15 petang

UTC merupakan pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta bagi memudahkan rakyat berurusan serta mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan. Sehingga kini sebanyak 22 UTC telah ditubuhkan dan mendapat sambutan yang tinggi daripada rakyat dengan jumlah transaksi pelanggan yang dicatatkan sejak penubuhan adalah 72.3 juta.

Kementerian Kewangan Malaysia berharap agar waktu operasi UTC sempena bulan Ramadan ini dapat menjaga kebajikan para petugas di UTC dalam menunaikan ibadah puasa dan pada masa yang sama perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas.

Sayangi Malaysiaku!

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
4 Mei 2019

Like Be the first of your friends to like this.